



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 3 FEBRUARI 2019

- 1. BENDANG HASIL 10 TAN SEHEKTAR SEMUSIM**
- 2. KONGSI PENGALAMAN BERSAMA 6,000 PETANI**
 - BERITA HARIAN**
- 3. FAMA SASAR BUKA 6 PASAR TANI**
 - SINAR HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Ms.12

3 Februari 2019 BH ANAD

→ INOVASI



Perdu padi yang elok boleh apabila tanah disukat dengan pH antara 5.5 hingga 6.6 sebelum benih ditabur.



Sawah milik Jaafar mampu hasilkan 10 tan padi sehektar pada setiap musim.

Bendang hasil 10 tan sehektar semusim

➔ Kajian pesawah dapati skala pH 5.5 hingga 6.6 terbaik beri hasil lumayan.

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

► Jerlun

Di sebalik dakwaan penurunan pengeluaran padi di negara ini, seorang pesawah mampu mencapai pengeluaran sehingga 10 tan padi sehektar setiap musim. Kejayaan itu dicapai Jaafar Zakaria, 46,

Fakta nombor

RM20,546
WANG

diperoleh Jaafar apabila mendapat pengiktirafan Anugerah Pesawah Terbaik daripada Institut Beras Antarabangsa

menerusi kajiannya yang mendapati skala pH (potensi of hydrogen) tanah sawah terbaik bagi mengelak padi angin adalah pada tahap antara 5.5 hingga 6.6 sebelum benih ditabur.

Langkah itu nyata memberikan hasil lumayan apabila beliau berjaya mencapai pengeluaran padi antara lapan hingga 10 tan sehektar sehingga mendapat pengiktirafan Anugerah Pesawah Terbaik daripada Institut Beras Antarabangsa di Manila, pada 2017.

Anugerah termasuk wang tunai AS\$5,000 (RM20,546) itu diberikan kepada petani yang mencapai hasil pengeluaran padi tertinggi dalam tempoh 10 tahun dalam kalangan 10 petani negara-negara ASEAN.

Jaafar yang menjadi penerima pertama anugerah berkenaan berkata, hasil yang tinggi diperolehnya itu tidak datang bergelok sebaliknya pe-

ngalaman serta ilmu banyak membantunya.

"Saya sudah 30 tahun mengusahakan sawah dan selama 20 tahun saya gagal serta rugi kerana mendapat hasil tidak seberapa hingga pernah mendapat tiga tan padi sehektar.

Pengalaman banyak mengajar Jaafar

"Pengalaman banyak mengajar dan saya mencari ilmu bersama guru dalam kalangan petani. Setiap me-reka ada rahsia dan rahsia itu saya kumpulkan untuk dapatkan teknik yang baik," katanya ketika ditemui di Kampung Pida 13, Sanglang.

Bapa kepada dua anak lelaki yang kini mengusahakan 10 hektar padi berkata, perkara asas sebelum menanam padi adalah penyediaan plot sawah yang baik.

"Rawatan tanah perlu dibuat bagi memastikan tapak berada dalam

keadaan baik dan kita perlu periksa pH tanah yang paling sesuai antara 5.5 hingga 6.5 kerana jika tidak pada tahap itu maka hasil tidak tinggi.

"Jika pH tidak sesuai, kaedah pengkapuran atau delomite iaitu kaedah jenis konvensional akan digunakan bagi meneutralkan tanah sehingga mencapai pH yang sesuai," katanya.

Mengulas mengenai padi angin yang menyebabkan hasil tanaman padi berkurangan, Jaafar berkata, ia boleh diatasi dengan kaedah menabur benih di dalam air.

"Saya tabur dalam air selepas itu saya sembur dengan perapi tanah jenis Taveekun. Kaedah ini dilakukan setiap musim bagi memastikan padi angin tidak berlaku.

"Kaedah lama iaitu tabur benih pada tanah kering tidak akan menyelesaikan masalah padi angin," katanya.

→ INOVASI

[FOTO SHARUL HAFTZ ZAM/BH]



Jaafar menunjukkan tanah berkualiti yang mampu mencapai pengeluaran sehingga 10 tan padi sehektar.



Jaafar menunjukkan plak yang diterimanya pada anugerah Pesawah Terbaik mewakili Malaysia di Manila pada Ogos 2017.

Kongsi pengalaman bersama 6,000 petani

Jerlun: Kejayaan memperoleh Anugerah Outstanding Rice Farmer bukan diukur dari sudut pengeluaran hasil padi yang tinggi sahaja, malah pembabit dalam membantu petani lain turut diterima.

Seperti penerima pertama anugerah berkenaan, Jaafar Zakaria aktif dalam membantu petani lain dengan memberi kursus serta motivasi kepada lebih 6,000 petani di Malaysia, Brunei, Indonesia dan Filipina.

Jaafar berkata, dia mula terbabit dalam aktiviti membantu petani lain sejak 10 tahun lalu, menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Jelapang Padi yang terdiri daripada 10 petani dari Kedah pada waktu itu. "Tujuan utama Jelapang Padi ditubuhkan adalah untuk membantu petani, di mana sahaja ada jemputan kami akan pergi untuk membantu."

"Saya mula bergerak lebih aktif dalam program seperti ini kira-kira lima tahun yang lalu selepas diminta beberapa pihak seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)," katanya.

Berkecualan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau belajar mengenai pH melalui pengalaman dan kursus di Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Muda (MADA).

Tanam ikut jadual
Katanya, kaedah penanaman mengikut jadual diberikan MADA dan Jabatan Pertanian juga membantu menghasilkan padi yang tinggi.

"Bagi mereka yang baru dalam bidang ini, adalah baik mengikut kaedah yang disaran MADA dan Jabatan Pertanian, selain pada masa sama mencari ilmu dengan petani yang berjaya."

"Saya sendiri tidak mengikut 100 peratus jadual kerana setiap kawasan keadaannya berbeza. Di sini, pengalaman dan ilmu yang diperoleh akan membantu," katanya.



Bagi mereka yang baru dalam bidang ini, adalah baik mengikut kaedah yang disaran MADA dan Jabatan Pertanian, selain pada masa sama mencari ilmu dengan petani yang berjaya"

Jaafar Zakaria, Pesawah

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 2 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

SINAR HARIAN • AHAD 3 FEBRUARI 2019

37

SEBERANG PERAI TENGAH

BERKUALITI SUDAH SEBERANG PERAI TENGAH MOHD ISKANDAR OTHMAN - 019 574 4099 / 019 474 7065

FAMA sasar buka 6 pasar tani

Tiga akan dibuka dalam kawasan masjid di Pulau Pinang

MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUKIT MERTAJAM

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk membuka enam lagi pasar tani termasuk tiga di dalam kawasan masjid di Pulau Pinang pada tahun ini.

Pengerusinya, Sr Ishak Ismail berkata, konsep pasar dalam masjid akan mempelbagaikan lagi peranan rumah ibadat berkenaan yang sebelum ini banyak tertumpu kepada aktiviti keagamaan

semata-mata.

Menurutnya, apabila peranan masjid diperluaskan, secara tidak langsung ia mampu menarik lebih ramai masyarakat untuk mengimarahkan rumah ALLAH itu.

"Dengan cara ini, kita dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat selaras dengan tuntutan agama Islam.

"Bukan sahaja kita dapat mengimarahkan masjid malah kita memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan pelbagai barangan jualan di sini dengan harga yang lebih murah daripada pasaran luar," katanya ketika ditemui selepas melancarkan pasar tani dan Agrobazaar K-Shoppe @ Masjid Bandar Perda di sini pagi semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad



Ishak (kanan) dan Ahmad ketika melancarkan pasar tani dalam masjid di Masjid Bandar Perda.

Ishak dan Pengarah FAMA negeri, Habibah Sulaiman.

Selain Masjid Bandar Perda, pasar tani dalam masjid sebelum ini dibuka di Masjid Bandar Baru Air Itam. Tiga masjid yang bakal

menjadi sasaran untuk dibuka pasar tani pada tahun ini iaitu Masjid Sri Serdang, Kepala Batas, Masjid Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan dan Masjid Maqbul di Teluk Kumbar.

Selain itu, FAMA juga turut bercadang membuka pasar tani di kawasan Simpang Taman Guar Perahu, Taman Bertam Putra, Flat Taman Mutiara dan di kawasan Sungai Dua Utama.

info

Tiga masjid yang bakal menjadi sasaran untuk dibuka pasar tani pada tahun ini iaitu Masjid Sri Serdang, Kepala Batas, Masjid Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan dan Masjid Maqbul di Teluk Kumbar

Ishak berkata, setakat ini, sebanyak 746 tapak pasar tani telah beroperasi di seluruh negara dan melibatkan 30,793 peniaga.

Katanya, pada tahun 2018 keseluruhan pasar tani di negara ini memperoleh pendapatan sebanyak RM852 juta dan di Pulau Pinang sahaja meraih pendapatan sebanyak RM11.9 juta pada tahun lalu.